

**NO. SOALAN : 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM**

**TARIKH : 7 MAC 2018**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan enggan mengosongkan tanah kerajaan di Lot 36053 di Jalan Gembira Kuala Lumpur yang diduduki oleh bengkel pembaikan kereta haram, walaupun tapak itu menghalang lalu-lintas jalan raya dan banyak bantahan telah ditulis kepada Pejabat Tanah Kuala Lumpur.**

**JAWAPAN : YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Lot 36053 Mukim Petaling adalah merupakan tanah kerajaan. Operasi penguatkuasaan terhadap bengkel kenderaan di Lot 36053 Mukim Petaling di Jalan Gembira, Taman Gembira telah di laksanakan pada 14 Mac 2017 bagi sebahagian dari tapak yang dimaksudkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bantahan yang dimaksudkan hanya datang dari Syarikat Suntrack Development Sdn. Bhd. dan bukan dari penduduk setempat. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telah meneliti tapak tersebut iaitu merupakan sebahagian dari baki pembangunan terdahulu dan di bawah bidang kuasa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilik bengkel tersebut telah membuat permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) bagi membolehkan beliau meneruskan perniagaan dengan menaiktaraf struktur bengkel dengan lebih teratur tanpa menjejaskan lalu lintas.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bersebelahan dengan bengkel yang didakwa terdapat sebuah bengkel membaiki kenderaan di atas Lot 34086 Mukim Petaling yang merupakan tanah persendirian.

Sekian, terima kasih.